

**TEKS UCAPAN ALUAN PENGARAH
PROGRAM KICK-OFF MIDF YOUNGPREENURSHIP 2026
DENGAN KERJASAMA
POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA**

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera

Salam Malaysia Madani

Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia Menggamit Dunia

Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat

Melaka Sayang Rakyat.

Yang Berusaha Encik Azizi bin Hj. Mustafa

Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF)

Yang Berusaha Encik Muhammad Azrul Amin bin Ali

Head of Department Business Advisory Development Finance Business

Yang Berusaha

- a) Barisan Head of Department (HOD) MIDF,
- b) Ketua-Ketua Jabatan dan Ketua-ketua Unit,

- c) Para Mentor daripada MIDF dan PMM,
- d) Ahli Jawatankuasa,
- e) Pegawai-pegawai,
- f) Serta barisan peserta yang saya kasihi sekalian.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat bersama-sama dalam **Program Kick-Off MIDF Youngpreneurship 2026** dengan kerjasama Politeknik Merlimau Melaka pada hari ini.
2. Bagi pihak **Politeknik Merlimau Melaka**, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak MIDF atas kesudian memilih PMM untuk melaksanakan *Corporate Social Responsibility* ini yang amat besar maknanya kepada Politeknik Merlimau Melaka.
3. Untuk makluman pihak MIDF, kami di Politeknik Merlimau Melaka pada Januari lalu baharu sahaja dinaiktaraf kepada kluster Politeknik Premier daripada kluster Politeknik Konvensional sebelum ini. Jadi kita menjangkakan akan lebih besar peluang-peluang kolaborasi bersama industri,

yang mana selepas ini PMM juga akan menawarkan program pengajian Ijazah Sarjana Muda tidak lama lagi.

4. Dengan wujudnya program-program seperti ini, platform kepada pelajar untuk ke hadapan dan menonjolkan diri terbuka seluas-luasnya. Inilah waktunya untuk memahami dunia dan realiti sebenar sebagai usahawan muda, mempelajari selok-belok memperoleh proses pembiayaan perniagaan dengan betul dan lain-lain lagi.
5. Kerjasama antara institusi pendidikan dan institusi kewangan seperti MIDF merupakan satu langkah ke hadapan dalam memperkukuh ekosistem keusahawanan pelajar. Kami di PMM amat yakin dan percaya, menerusi program ini, ianya bukan sahaja memberi pendedahan teori, bahkan turut menyediakan panduan sebenar bagaimana sesuatu idea perniagaan boleh dibangunkan menjadi cadangan yang berdaya maju dan memenuhi standard penilaian pembiayaan.
6. Sebagai sebuah institusi TVET, program MIDF Youngpreneurship 2026 ini amat sejajar dengan aspirasi kami untuk melahirkan bukan sahaja pencari kerja, tetapi juga usahawan sekaligus pencipta peluang pekerjaan.

7. Politeknik Merlimau Melaka juga sentiasa menyokong inisiatif yang memperkasa kemahiran keusahawanan, kepimpinan serta daya tahan pelajar dalam menghadapi cabaran dunia perniagaan.
8. Kepada para peserta, anda amat bertuah. Gunakanlah peluang keemasan sebegini bersama mentor untuk memperhalusi idea, memperkemas *business proposal* serta memahami aspek kewangan dengan lebih mendalam. Pengalaman dan pendedahan daripada pihak MIDF ini merupakan nilai tambah yang amat bermakna apabila anda bergraduasi kelak.
9. Akhir kata, saya berharap agar kerjasama strategik antara Politeknik Merlimau Melaka dan MIDF ini akan terus diperkukuh pada masa hadapan demi melahirkan lebih ramai usahawan muda yang kompetitif dan berdaya saing di peringkat nasional.

Sekian, terima kasih. Wabillahi taufik walhidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.